

# Polis Marin tangkap 10 lelaki Vietnam, rampas dua kapal

**SANDAKAN** - Pasukan Polis Marin (PPM) menahan dua kapal bersama 10 lelaki warga Vietnam disyaki menangkap hasil laut secara haram di dua lokasi perairan negara Selasa lalu.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA) Bukit Aman, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani berkata, mereka ditahan anggota PPM Wilayah 4 Sabah ketika Op Pensura di kawasan perairan Sandakan dan Pulau Langkayan.


Menurutnya, dalam operasi di Pulau Langkayan polis terpaksa menggunakan siren dan pembesar suara bagi mengarahkan kapal ter-

babit supaya berhenti.

Bagaimanapun, katanya, juragan memecut laju kapal dan enggan berhenti malah cuba melanggar bahagian starboard bot anggota marin.

“Selepas hampir 20 minit dikejar, kapal bersama lima kru itu berjaya ditahan. Pemeriksaan lanjut menemukan polis dengan peralatan menangkap timun laut dalam kapal berkenaan.

“Kesemua yang ditahan dibawa ke Pangkalan PPM Sandakan untuk pemeriksaan lanjut di bawah Akta Perikanan 1985 dan nilai keseluruhan rampasan bernilai RM815,000,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.



Warga Vietnam yang ditahan ketika Op Pensura di kawasan perairan Pulau Langkayan Selasa lalu.